



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 07/03

MAJLIS BERBUKA PUASA YB MENTERI PERTAHANAN BERSAMA WARGA TENTERA DARAT MALAYSIA DI PUSAT LATIHAN TENTERA DARAT, ULU TIRAM, JOHOR BAHRU

1. **JOHOR, 30 Mac 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama 600 warga Tentera Darat Malaysia (TDM) bertempat di Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA), Ulu Tiram, Johor Bahru, hari ini.
2. Ketibaan YB Menteri Pertahanan di Blok Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT), Desa PULADA telah disambut oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim; Panglima Medan Barat Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Ybrs. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail serta barisan kepimpinan TD.
3. Semasa Lawatan YB Menteri Pertahanan dan Delegasi di RKAT Desa PULADA, beliau telah menerima taklimat secara lisan berkenaan penghuni yang mendiami RKAT Desa PULADA, gerak kerja senggaraan dan pemberian yang telah dilaksanakan pada bangunan RKAT berkenaan dan seterusnya melihat dengan lebih dekat keadaan blok RKAT Desa PULADA.
4. YB Menteri Pertahanan juga turut menyantuni dua (2) anggota dan waris yang merupakan penghuni RKAT Desa PULADA iaitu Staf Sarjan Iwot bin Gungkil yang bertugas sebagai Ketua Detasmen Cawangan Serigala PULADA dan Koperal Morrison anak Ferlix yang bertugas sebagai Pembantu Perubatan di Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) PULADA.
5. Seusai lawatan, YB Menteri Pertahanan telah beramah mesra bersama warga PULADA yang hadir untuk majlis berbuka puasa bertempat di Dewan RKAT Desa PULADA dan ketibaan beliau serta delegasi telah disambut oleh Sidang Tertinggi Panglima Tentera Darat (STPTD) serta pegawai dan anggota TD.
6. Seterusnya, YB Menteri Pertahanan telah menyampaikan penyerahan *Mock Cheque* Peruntukan Keseluruhan Senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Tahun 2024 berjumlah **RM199.5 Juta** kepada PTD, Peruntukan Senggaraan

Tahun 2024 kepada Komandan PULADA berjumlah **RM1,055,413 Juta** dan Panglima 7 Briged, Brigadier Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad berjumlah **RM1,870,870 Juta**. Simbolik penyerahan peruntukan ini membuktikan Kementerian Pertahanan sentiasa cakna dan komited dalam usaha memelihara kebajikan dan kemaslahatan warga Tentera Darat.

7. YB Menteri Pertahanan juga turut menyempurnakan sesi penyampaian sumbangan kebajikan kepada 30 orang warga 7 Briged dan PULADA melibatkan anggota dan waris yang mempunyai penyakit kronik. Sumbangan yang dizahirkan ini adalah merupakan inisiatif untuk meringankan beban penerima daripada beberapa pihak termasuk Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) dan Cawangan Sumber Manusia, TDM bagi menghadapi bulan Ramadan juga perayaan Aidilfitri yang bakal menjelang.

8. Selesai berbuka puasa, YB Menteri Pertahanan bersama-sama warga PULADA menunaikan Solat Fardu Maghrib secara berjemaah bertempat di Masjid Al-Hidayah.

9. Turut hadir sewaktu kelangsungan majlis adalah pegawai-pegawai Kanan TDM serta warga PULADA khususnya dari PULADA, Johor Bahru dan kem-kem sekitar kawasan berhampiran.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

30 Mac 2024 (Dikeluarkan pada jam 7.00 malam)